

Warga Singapura dalang sindiket arak, rokok

PGA serbu resort di Senai, rampas arak dan rokok bernilai lebih RM1.1 juta

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU



Empat daripada enam suspek yang ditahan kerana disyaki terlibat dengan sindiket pengedaran minuman keras dan rokok di Senai pada Ahad.

Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam menahan enam individu termasuk warga Myanmar dan Singapura serta merampas minuman keras dan rokok seludup selepas menyerbu sebuah resort di Senai, dekat sini pada Ahad.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA Simpang Renggam, Superintendan Mohd Razali Melin berkata, serbuan berkenaan dilakukan pada jam 9.30 pagi melibatkan dua premis berdekatan dalam resort berkenaan.

“Menerusi serbuan ini, tiga lelaki tempatan berusia 38 hingga 31 tahun, seorang lelaki dan seorang wanita Myanmar berusia 31 dan 33 tahun serta seorang lelaki Singapura berumur 60 tahun ditahan.

“Dalam serbuan pertama, PGA merampas, antaranya 1,756 tin dan 541 botol minuman keras pelbagai jenama, 50 karton rokok, kereta Honda Accord, BMW X6, van Nissan MV 200 dan kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Harrier.

“Kita turut merampas wang tunai RM102,600, wang tunai dollar Singapura (SGD) 304 (RM970) dan

jam tangan jenama Rado Diaster,” katanya dalam satu kenyataan pada malam Ahad.

Beliau menambah, menerusi serbuan kedua, PGA merampas 9,960 tin dan 1,114 botol minuman keras pelbagai jenama, 200 karton rokok serta sebuah MPV Perodua Alza.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati sindiket itu sudah beroperasi lebih empat tahun dan beberapa siri tangkapan dilakukan ke atas sindiket berkenaan namun masih meneruskan operasi penyeludupan.

“Dipercayai juga suspek warga Singapura merupakan ketua atau dalang utama dalam sindiket tersebut yang dikenali sebagai Kenny,” jelasnya.

Katanya, nilai rampasan minuman

keras dan rokok seludup berjumlah RM704,370, manakala keseluruhan nilai rampasan lebih RM1.1 juta.

Tangkapan dan rampasan itu, katanya, berjaya memutuskan sindiket pengedaran minuman keras dan rokok tidak bercukai sekitar Kulai dan Johor Bahru.

Kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai (IPD) Kulai untuk tindakan lanjut.

Beliau meminta orang ramai menyalurkan maklumat bagi mengekang lambakan barangan kontraband serta kemasukan pendatang asing tanpa izin melalui hotline 07-7557280 Pejabat Risik/Gerakan Batalion 5 PGA.